

94

**SOALAN NO. 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN]**

**TARIKH : 12 MAC 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Masir Kujat [ Sri Aman ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa ramai penerima program bantuan kebajikan di Parlimen Sri Aman dari tahun 2010-2014. Adakah Kementerian akan menambahkan jumlah pemberian bulanan kepada mereka yang betul-betul layak diberi bantuan tersebut.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) prihatin akan cabaran hidup golongan miskin dan mereka yang memerlukan. Dalam hal ini, golongan tersebut layak diberikan bantuan kebajikan bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh mereka. Bantuan kebajikan ini bersifat sementara dan para penerima akan diberi peluang untuk mengikuti program tertentu supaya mereka mampu hidup berdikari.

Jumlah penerima bantuan kebajikan di Parlimen Sri Aman bagi tahun 2010 sehingga 2014 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH BANTUAN	PENERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
2010	2,709		7.013 juta
2011	3,112		8.538 juta
2012	3,673		10.215 juta
2013	3,862		10.066 juta
2014	4,138		12.354 juta

Kementerian ini mengguna pakai kriteria kelayakan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa yang telah ditetapkan

oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk menentukan kelayakan menerima bantuan kebajikan.

Pihak kerajaan melalui pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 juga telah bersetuju untuk menaikkan kadar Elaun Pekerja Cacat (EPC) daripada RM300 kepada RM350 sebulan iaitu peningkatan sebanyak **16.6 peratus**. Manakala Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) pula dinaikkan daripada RM150 kepada RM200 sebulan iaitu peningkatan sebanyak **33.3 peratus** berkuat kuasa mulai Januari 2015 dan dijangka melibatkan tambahan peruntukan sebanyak RM66 juta dan memberi manfaat kepada 110,000 orang.

Pada masa yang sama, Kementerian turut memberi tumpuan kepada pendekatan *Productive Welfare* bagi menggalakkan penerima bantuan Jabatan yang produktif agar berdikari melalui program menjana pendapatan.